

## **MALAYSIA MENUJU NEGARA TUA: APAKAH YANG BOLEH DIPELAJARI DARIPADA PENGALAMAN NEGARA JEPUN?**

**Ahmad Shukri Abdul Hamid<sup>1</sup> & Norliza Mokhtar<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial  
Universiti Utara Malaysia  
shukri@uum.edu.my

<sup>2</sup>Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia  
liza@jkm.gov.my

### **ABSTRAK**

Dalam tempoh masa sekitar sedekad sahaja, Malaysia akan berhadapan dengan realiti baharu, iaitu menjadi sebuah negara tua. Penuaan adalah fenomena global yang telah, sedang dan bakal menjadi realiti bagi kebanyakan negara di dunia. Merujuk pengalaman negara lain yang sudah pun menjadi negara tua, cabaran yang perlu didepani adalah amat besar dan memerlukan strategi tindakan yang sistematik. Jepun adalah antara negara tua yang sedang bergelut dengan pelbagai isu melibatkan warga emas. Sebagai sebuah negara maju yang berstatus kuasa ekonomi dunia, Jepun mempunyai kelebihan dari segi kewangan dan kemahiran teknikal, seperti teknologi robotik, dalam menangani cabaran tersebut. Bagaimanakah negara membangun seperti Malaysia, dengan keupayaan kewangan dan tahap kepakaran yang jauh lebih rendah, akan berdepan dengan cabaran yang sama? Sedekad bukanlah jangka waktu yang panjang bagi menghadapi situasi yang mencabar seperti ini. Justeru, artikel ini mengupas secara kritikal apakah yang boleh dipelajari daripada pengalaman negara Jepun, dengan membuat analisis terhadap situasi penuaan yang melibatkan kedua-dua negara dari aspek kesiapsiagaan, realiti semasa dan prospek akan datang.

**Kata kunci:** warga emas; negara tua; penuaan; penuaan Jepun.

### **PENGENALAN**

Cabaran fenomena penuaan bukan terletak pada proses penuaan semata-mata. Penuaan adalah realiti sejagat yang berlaku kepada setiap insan bernyawa. Pelbagai bentuk cabaran yang perlu didepani individu yang mencecah usia tua juga sudah termaklum dan diterima sebagai lumrah kehidupan sebagai manusia. Isu penuaan menjadi kritikal apabila dilihat dalam konteks lebih luas seperti hubung kaitnya dengan isu kependudukan dan ketidakseimbangan demografi. Dalam konteks ini isu-isu berkaitan penuaan seperti kesunyian, dementia, sokongan sosial dan status kesihatan mental dan fizikal akan menjadi lebih kritikal memandangkan bilangan warga emas yang ramai akan memberikan impak berganda. Ditambah dengan adanya isu sampingan lain seperti keruntuhan sistem sokongan kekeluargaan dan peningkatan jangka hayat, maka tanggungjawab untuk memastikan kebajikan warga emas akan beralih kepada pihak kerajaan dan institusi sosial. Hal ini secara langsung akan diterjemahkan ke dalam bentuk bebanan kepada negara.

Malaysia hanya mempunyai masa sekitar satu dekad untuk bersiap sedia menghadapi status negara tua. Seharusnya kita tidak perlu menunggu sehingga saat akhir untuk merancang tindakan yang sesuai, kerana apabila tiba waktu tersebut, mungkin keadaan sudah terlalu lewat. Perkara ini jelas diperlihatkan oleh pengalaman negara Jepun yang pada masa kini sedang bergelut dengan pelbagai cabaran fenomena penuaan yang sedang melanda. Setelah mencecah status negara tua selama hampir 50 dekad,

bagaimanakah negara Jepun merangka strategi berdepan dengan cabaran getir tersebut, apakah yang sedang dilaksanakan pada waktu ini dan lebih penting lagi apakah yang boleh dipelajari oleh negara seperti Malaysia yang sedang berhadapan dengan prospek yang sama? Artikel ini membicarakan beberapa isu yang sedang dihadapi oleh Jepun pada masa kini dan apakah antara langkah ampuh yang telah dan sedang dilaksanakan oleh negara matahari terbit ini dalam menangani isu penuaan penduduknya. Di penghujung diskusi ini akan dilontarkan beberapa persoalan yang perlu difikirkan bagi menilai status siap siagaan negara ini menjadi negara tua.

## **SEPINTAS LALU: KESIAPSIAGAAN MALAYSIA MENGHADAPI NEGARA TUA**

Menurut *The World Population Prospects: 2017 Revision* (2017), bilangan warga emas di Malaysia berjumlah 2.803 juta orang daripada 28,955 juta orang. Jumlah ini mewakili 9.68% daripada keseluruhan penduduk. Unjuran PBB meletakkan Malaysia dalam kategori negara yang akan berstatus negara tua menjelang tahun 2030. Memandangkan tempoh masa yang begitu singkat, maka persoalan-persoalan seperti a) apakah maksudnya menjadi negara tua? b) sejauh manakah dasar sedia ada dan pemegang taruh yang berkaitan bersedia untuk menghadapi cabaran yang akan datang? dan c) apakah isu dan cabaran terbesar penuaan di Malaysia? perlu dirungkaikan bagi mendapatkan gambaran kasar tahap persediaan menghadapi negara tua.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia yang dijalankan pada tahun 2010 menunjukkan peningkatan bilangan warga emas iaitu 2.3 juta orang atau 7.9 peratus daripada keseluruhan penduduk negara yang berjumlah 28.3 juta orang. Khusus jika dilihat kepada kadar pertumbuhan penduduk yang berusia 60 tahun ke atas, terdapat trend peningkatan yang jelas. Bermula pada tahun 1970 di mana peratusan warga emas hanya berada pada sekitar 5.4 peratus (539,118 orang) daripada keseluruhan populasi negara, kadar tersebut telah meningkat secara konsisten menjadi 6.0 peratus (1,194,000 orang) pada 1995 kepada 6.6 peratus pada tahun 2000. Jumlah ini dijangka meningkat kepada 11.3 peratus pada 2020 (PBB, 1991). Trend peningkatan ini dianggarkan akan terus kekal sehingga mencecah angka 15 peratus pada tahun 2030 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1973; 1974; 1983; 1995).

Apakah implikasinya apabila sesebuah negara itu mencecah status negara tua? Indikator terpenting dalam hal ini adalah perubahan demografi. Peralihan demografi akan menyebabkan kesan rantaian yang merangkumi pelbagai aspek lain seperti sosioekonomi, kesihatan dan kesihatan mental, beban tanggungan kerajaan, perubahan nilai dalam masyarakat yang seterusnya bakal memberikan kesan yang signifikan kepada kehidupan warga emas. Konsep hubungan intergenerasi dan sokongan yang diberikan antara satu sama lain kini menjadi isu penting apabila ia semakin menurun seiring dengan perubahan dalam bidang perindustrian dan pemodenan. Dengan kata lain isu negara tua bukan semata-mata tertumpu kepada peningkatan bilangan warga emas semata-mata sebaliknya membawa bersamanya pelbagai isu fizikal dan non-fizikal (Noriah, 2008).

Secara tidak langsung, isu pokok penuaan itu sendiri akhirnya melibatkan juga persoalan berkaitan kesesuaian dasar sedia ada dan peranan pemegang taruh berkaitan dalam persediaan menangani cabaran ini. Malaysia telah mempunyai Dasar Warga Tua Negara sejak tahun 1995 yang kemudiannya dipinda kepada Dasar Warga Emas Negara pada

tahun 2011. Dasar ini merupakan payung kepada penyediaan perkhidmatan dan kemudahan warga emas di Malaysia. Rentetan itu Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Kebangsaan diwujudkan sebagai suatu mekanisme pelaksanaan dasar berkaitan warga emas dan penuaan penduduk ("Dasar Warga Emas Negara", n.d.). Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan sekretariat kepada Majlis ini yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Fungsi Majlis ini adalah untuk memastikan pelaksanaan Dasar Warga Emas itu sendiri selain turut berperanan menangani isu-isu warga emas dan fenomena penuaan.

Peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan JKM di dalam Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara juga bergantung kepada peranan agensi-agensi kerajaan lain yang menganggotai Jawatankuasa Teknikal Dasar Warga Emas Negara. Selain itu, Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri dan Daerah juga telah ditubuhkan bagi menghubungkan pentadbiran persekutuan dan negeri. Jawatankuasa-jawatankuasa ini diwujudkan bagi memastikan pelaksanaan dasar berjalan dengan lancar di semua peringkat seterusnya memastikan kelestarian program dan pemantauan yang lebih teratur.

Selaras dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan, KPWKM mengambil inisiatif lebih drastik untuk mengkaji semula Pelan Tindakan Warga Emas Negara 2011 dengan memberi fokus kepada pembangunan masyarakat yang lebih prihatin terhadap fenomena penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua. Melalui Dasar dan Pelan Tindakan ini, pelaksanaan program dan aktiviti warga emas oleh agensi-agensi kerajaan, pertubuhan sukarela kebajikan, masyarakat tempatan, pihak swasta dan individu akan dapat dipergiatkan meliputi aktiviti berbentuk sosial dan rekreasi, latihan, peningkatan ekonomi dan keagamaan. Selain itu, pelan tindakan ini turut memberi keutamaan kepada isu perumahan, kesihatan, keperluan penyelidikan berkaitan penuaan serta publisiti umum demi kesejahteraan warga emas.

Selain Dasar Warga Emas Negara, kerajaan telah membentuk Dasar Kesihatan Warga Emas Negara pada tahun 1977 demi memastikan penuaan yang sihat, aktif dan produktif dengan memperkasakan warga emas, keluarga dan komuniti dengan pengetahuan, kemahiran dan persekitaran yang sewajarnya; serta penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang optima di semua peringkat dan oleh pelbagai sektor. Dasar ini turut mengambil kira semua tindakan-tindakan berkaitan warga emas di peringkat antarabangsa dan nasional.

Sehubungan itu juga, Kementerian Kesihatan telah menyediakan Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Tua Negara bagi memastikan penjagaan kesihatan yang lebih berkesan, selaras dan menyeluruh. Rasional penggubalan dasar ini secara umumnya adalah bagi mempertingkatkan taraf kesihatan warga emas secara keseluruhan di mana warga emas sering dikaitkan dengan kemungkinan untuk mengalami pengurangan keupayaan deria, lebih cenderung untuk mengalami pelbagai masalah kesihatan dan mengambil masa yang lebih untuk sembuh dari penyakit. Selain itu mereka berkemungkinan hidup lebih lama dari apa yang mereka jangkakan, maka dengan itu, lebih berkemungkinan untuk mengalami pelbagai ketidakupayaan dalam jangka masa tersebut (Dasar Kesihatan Warga Emas Negara, 1977).

Setelah mengambil kira gambaran kesiapsiagaan negara dalam isu penuaan ini, maka boleh dirumuskan bahawa dari segi prinsipnya Malaysia mempunyai polisi dan hala tuju

yang jelas berkaitan pengurusan warga emas. Namun begitu, mungkin terdapat banyak lagi isu yang berkaitan warga emas yang bakal muncul apabila populasi golongan ini meningkat dengan begitu ketara dalam dekad yang mendatang ini. Justeru, Malaysia perlu belajar daripada pengalaman negara seperti Jepun yang telah pun mencecah status negara tua jauh lebih awal bagi meningkatkan lagi tahap kesiapsiagaan, bukan sahaja di pihak kerajaan tetapi juga dalam kalangan warga emas itu sendiri dan rakyat secara keseluruhannya.


## **INSIDEN PENUAAN DI JEPUN**

Jepun dianggap sebagai “super aged nation”, di mana lebih daripada 20% daripada populasinya berusia lebih daripada 65 tahun. Perangkaan terkini penuaan di Jepun menunjukkan suatu trend yang amat membimbangkan. Menurut akhbar Japan Times bertarikh 17 September 2018 yang memetik perangkaan rasmi kerajaan, seorang daripada 5 orang penduduk Jepun adalah berusia 70 tahun atau lebih. Statistik ini menunjukkan bahawa penduduk warga emas di Jepun telah mencecah angka lebih 20 peratus. Malah mereka yang berumur 65 tahun atau ke atas kini mencipta rekod jumlah penduduk sebanyak 35.6 juta atau 28.1 peratus. Kadar ini adalah yang tertinggi di dunia. Meskipun perangkaan ini sudah dijangka, namun isu berkaitan penuaan dan cabaran yang terpaksa didepani oleh kerajaan Jepun menjadi semakin serius. Seiring dengan peningkatan populasi, Jepun terpaksa menangani masalah menampung kos sekuriti sosial yang semakin meningkat dan juga kekurangan tenaga buruh yang menjejaskan produktiviti negara. Memburukkan lagi keadaan, Jepun juga mengalami masalah pengecilan jumlah populasi disebabkan kadar kelahiran yang rendah.

Meskipun ia merupakan negara yang berdepan dengan masalah penuaan yang serius, Jepun bukan satu-satunya negara yang bergelut dengan masalah penuaan dan ketidakseimbangan demografi. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melaporkan bahawa Itali, Portugal dan Jerman turut berdepan dengan dilemma yang serupa, di mana masing-masing mencatatkan peratusan penduduk warga emas yang tinggi, iaitu 23.3 peratus, 21.9 peratus dan 21.7 peratus (“Jepun paling ramai warga emas di dunia”, 2018).

Mengikut unjuran Kementerian Kesihatan Jepun, menjelang tahun 2060, populasi negara dijangka menjunam lebih 40 juta orang berbanding pada tahun 2010 menjadikannya hanya berjumlah 86.74 juta orang dengan 34.64 juta adalah penduduk berusia 65 tahun ke atas. Penurunan jumlah penduduk ini dapat dilihat sebagaimana ditunjukkan di rajah 1 (“Can Japan survive without immigrants?”, 2018). Laporan daripada The World Population Prospects: 2017 Revision (2017) menyatakan bahawa Jepun mengalami keadaan di mana bilangan kelahiran adalah di bawah tahap yang diperlukan berbanding jumlah peningkatan warga emas dan kelestarian generasi. Ketidakseimbangan demografi ini secara langsung telah memberi kesan kepada jumlah penduduk yang boleh bekerja. Dengan penurunan jumlah pekerja sebagai pembayar cukai sedangkan keperluan terhadap bayaran saraan selepas pencen dan penjagaan kesihatan orang tua semakin meningkat, ekonomi Jepun menghadapi cabaran yang belum pernah terjadi sebelumnya. Pada tahun 2018, Jepun mengalami penurunan jumlah pekerja yang sangat ketara dalam tempoh 40 tahun (“Japan needs more workers and it can't find them”, 2017).

### PENURUNAN POPULASI JEPUN



Sumber: Kementerian Kesihatan Jepun

Rajah 1 Penurunan Populasi Jepun

### BAGAIMANA JEPUN BERDEPAN DENGAN REALITI PENUAAN PENDUDUK


Berbeza dengan Malaysia, negara Jepun sedang bergelut dengan realiti penuaan dengan kadar jangka hayat paling tinggi di dunia iaitu 86.8 tahun bagi wanita dan 80.5 bagi lelaki. Jangka hayat kedua-dua jantina ini menjadikan purata jangka hayat Jepun kepada 83.7 tahun sekaligus meletakkan Jepun sebagai negara yang mempunyai jangka hayat paling tinggi berbanding 80.5 tahun di Itali, 81.3 tahun di Switzerland, 81.2 tahun di Iceland, 80.9 tahun di Australia dan 80.7 tahun bagi Sweden (World Health Statistics, 2017). Dengan kadar penuaan yang begitu rancak, Jepun telah dan sedang melaksanakan pelbagai strategi yang boleh dijadikan panduan bagi negara seperti Malaysia. Hasil pemerhatian yang dilakukan secara langsung, beberapa pengajaran penting boleh diperhatikan dan dijadikan contoh (serta amaran) bagi Malaysia.

#### Penggunaan Teknologi

Kerajaan Jepun berharap teknologi robot dapat mengatasi masalah peningkatan populasi warga emas yang semakin bertambah dan juga bilangan tenaga kerja pakar yang berkurangan di negara tersebut. Penggunaan robot untuk menjaga warga emas mungkin sukar diterima di negara-negara Barat tetapi Jepun melihatnya sebagai satu kaedah bagi mengatasi masalah yang timbul akibat penuaan dan kekurangan tenaga kerja (“Jepun guna robot jaga urus warga emas”, 2018). Langkah ini dijangka menjadi ikutan kepada negara-negara seperti China, Korea Selatan dan Belanda.

Pada masa yang sama Jepun perlu menggunakan sepenuh keupayaannya untuk menghasilkan produk-produk berunsur robotik. Beberapa contoh peralatan telah dicipta dengan fungsi-fungsi yang tersendiri. Koji Yoshimitsu, pensyarah daripada Kagoshima University menjelaskan bahawa kekurangan penjaga dan pekerja menyebabkan peralatan-peralatan yang boleh berfungsi sendiri amat diperlukan. Rajah 2 di bawah

memaparkan teknologi katil yang mempunyai sistem pengesanan yang membolehkan sebarang perubahan kadar denyutan jantung, pergerakan badan pesakit dan kadar pernafasan dikesan dengan cepat dan boleh memberi isyarat kepada pekerja. Sistem yang dinamakan sebagai Mimamori ini digunakan sebagai salah satu kaedah bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja.



Rajah 2 Sistem Mimamori

Selain itu, terdapat juga ciptaan robot berbentuk haiwan yang mampu memberi tindak balas kepada sentuhan, pandangan mata dan perasaan manusia. Selain daripada menjadi peneman kepada warga emas, robot haiwan bernama Paro ini berupaya “menjaga” warga emas dengan fungsinya sebagai medium perantara antara warga emas dan pihak hospital.

### Sokongan Kewangan dan Sosial

Selain itu, Jepun juga mempunyai polisi yang berstruktur dari segi sokongan sosial dan kebijakan warga emas. Jepun telah merancang sistem sokongan kewangan dan sosial sebelum menjadi negara tua iaitu pada awal 1960an. Perancangan awal ini bertujuan agar semua penduduk mempunyai kehidupan yang sihat dan sejahtera di hari tua. Beberapa peraturan berkaitan telah diperkenalkan sebagaimana ditunjukkan di Jadual 1.

Jadual 1 Polisi dan dasar kewangan berkaitan penjagaan warga emas


Kronologi Isu dan Kadar Penuaan (Tahun)		Polisi Utama
1960-an Polisi kebajikan untuk warga emas mula diperkenalkan	5.7% (1960)	1963 <i>Enactment of the Act on Social Welfare</i> untuk warga emas <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rumah jagaan intensif untuk warga emas mula diwujudkan</li> <li>• Perundangan untuk <i>home helpers</i> untuk warga emas</li> </ul>
1970-an Perluasan perkhidmatan kesihatan untuk warga emas	7.1% (1970)	1973 Perkhidmatan kesihatan percuma untuk warga emas
1980-an “Social hospitalization” dan warga emas terlantar menjadi isu negara	9.1% (1980)	1982 <i>Enactment of the Health and Medical Services</i> untuk warga emas <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlaksanaan <i>co-payment</i> untuk penjagaan kesihatan warga emas, dsb.</li> </ul> 1989 Penubuhan <i>Gold Plan</i> (Strategi 10-tahun untuk mempromosikan kesihatan dan kebajikan warga emas) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Promosi kemudahan persediaan kecemasan dan perkhidmatan kebajikan di rumah</li> </ul>
1990-an Promosi <i>Gold Plan</i>	12.0% (1990)	1994 Perlaksanaan <i>New Gold Plan</i> (strategi 10 tahun berkaitan kesihatan dan kebajikan warga emas) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penambahbaikan sistem penjagaan di rumah</li> </ul>
Persediaan untuk pelaksanaan sistem <i>Long-Term Care Insurance</i>	14.5% (1995)	1997 <i>Enactment of the Long-Term Care Insurance Act</i>
2000-an Sistem <i>Long-Term Care Insurance</i> diperkenalkan	17.3% (2000)	2000 Penguatkuasaan Sistem <i>Long-Term Care Insurance</i>

Sumber: Biro Kesihatan dan Kebajikan Warga Emas, Kementerian Kesihatan, Buruh dan Kebajikan, Jepun

Kadar peningkatan warga emas sangat pantas berbanding dengan jumlah generasi muda. Faktor ini menyebabkan warga emas hidup berseorangan dan mereka termasuk dalam golongan mudah terjejas atau golongan rentan (*vulnerable group*). Masalah-masalah ini muncul menyebabkan kerajaan mencari penyelesaian terbaik demi kesejahteraan rakyatnya. Pada tahun 1973 misalnya, pihak kerajaan menawarkan perkhidmatan

kesihatan percuma kepada warga emas tanpa menetapkan sebarang siling peruntukan. Polisi tersebut dilaksanakan tanpa mengambil kira peningkatan jumlah warga emas yang berlaku. Malah ia mula menjadi beban kepada kerajaan apabila negara telah menjadi negara tua dan perbelanjaan kesihatan dan fasiliti di hospital semakin tinggi. Justeru, pihak kerajaan telah meneliti semula dasar yang dibuat kerana tanggungan kewangan untuk kesihatan warga emas sangat tinggi.

Kini, negara Jepun telah mengguna pakai Sistem Keselamatan Sosial (*Social Security System*) yang diwajibkan ke atas setiap rakyatnya dan diperuntukan dalam undang-undang. Jepun mempraktikkan skim kewangan *Long-Term Care Insurance* (LTCI) sejak tahun 2000 kepada semua warga emas apabila dilihat pelbagai masalah timbul daripada sistem kewangan sebelumnya. Lihat Rajah 3. Sistem ini secara umumnya merupakan perkhidmatan sokongan sosial kepada warga emas untuk hidup berdikari berbanding perkhidmatan bantuan secara langsung. Terdapat dua kategori pencarum iaitu kategori 1 bagi mereka yang berumur 65 tahun ke atas. Manakala kategori 2 yang berumur 40 tahun hingga 64 tahun. Skim ini memberi fokus kepada persediaan warga emas menghadapi hari tua khususnya dalam aspek penjagaan kesihatan.



Rajah 3 Struktur *Long-Term Care Insurance*


Penginsuran (*insurer*) adalah pihak perbandaran (*municipality*) dengan menetapkan kadar caruman yang berbeza kepada setiap individu berasaskan kepada lokaliti tempat tinggal dan jumlah pendapatan. Terdapat juga *co-payment* yang perlu ditanggung oleh warga emas; ianya merupakan bayaran sebanyak 10% dari nilai sebenar. Perkhidmatan yang diberikan oleh pengusaha perkhidmatan (*service providers*) akan diselia dari semasa ke



semasa oleh perbandaran (municipality) melalui *care managers* yang dilantik oleh pengusaha perkhidmatan. Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah *Home Care Service - Home Visit, Day Service* dan *Short Stay*. Selain itu terdapat juga *Institutional Care* dan *Community Based Service*.

Walau bagaimanapun, skim ini dijangka tidak selamanya bertahan apabila jumlah warga emas semakin meningkat dan ia menjadi beban kepada kerajaan (Ministry of Health, Labour & Welfare, Japan; Living Health and Welfare Department of Kagoshima Prefecture; Health & Welfare Division of Kagoshima City). Malah ia sedang dipertimbangkan untuk dinilai semula dari segi pelaksanaan agar kelestarian program ini lebih terjamin. Pihak kementerian melaporkan bilangan penjarum berusia 65 tahun ke atas telah meningkat kepada 33.87 juta orang pada tahun 2016 berbanding 21.65 juta orang pada tahun 2000. Daripada jumlah tersebut, mereka yang memerlukan perkhidmatan jagaan dan *support needs certification* (warga emas yang telah disahkan layak menerima faedah) juga meningkat daripada 2.18 juta kepada 6.22 juta dalam tempoh yang sama. Secara keseluruhan, bilangan pengguna LTCI telah meningkat sebanyak 3.3 kali dalam tempoh yang dinyatakan.

Sebagai langkah mengurangkan beban kerajaan, bermula tahun 2013, *Community Based Integrated Care System* (CBICS) telah diwujudkan. Sistem sokongan ini masih melibatkan komponen LTCI tetapi pada masa yang sama turut mengandungi elemen tidak formal, iaitu dengan melibatkan penyertaan dan perlbagai elemen sokongan dari masyarakat setempat, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4. Namun demikian, dalam melaksanakan konsep CBICS ini, terdapat beberapa cabaran yang perlu ditangani oleh pihak kerajaan seperti kekangan kewangan serta kekurangan sumber manusia kerana liputan perkhidmatan yang luas dan jumlah warga emas yang semakin meningkat. Selain itu terdapat halangan dari segi keperluan inovasi dan penambahbaikan kemahiran serta pengetahuan dalam mempromosi *self-reliance* dalam kalangan warga emas yang memerlukan kerana sebelum ini mereka sangat bergantung kepada LTCI.



Rajah 4 *Community Based Integrated Care System*

Bagi menangani cabaran tersebut, pihak kerajaan telah melaksanakan perkhidmatan penjagaan yang bersifat CBICS yang merangkumi sokongan keluarga dan komuniti setempat, perumahan, *care prevention and health promotion / life support, medical and nursing*, jagaan dan pemulihan serta penjagaan kesihatan dan kebajikan. Melalui sistem ini, warga emas boleh tinggal di kawasan yang mereka mahu walaupun mereka memerlukan penjagaan atau sokongan kesihatan termasuk mereka yang mengalami dementia. Pada masa ini, perkhidmatan yang disediakan kepada warga emas adalah daripada pakar perubatan, *care workers* dan *social workers* yang terdiri daripada mereka yang profesional (bekerja dalam bidang tersebut). Namun demikian, keperluan kepada perkhidmatan penjagaan warga emas turut memerlukan khidmat golongan bukan profesional, contohnya seperti tukang masak dan kerja-kerja pembersihan. Kekurangan mereka yang boleh menyediakan perkhidmatan bukan profesional menjadi masalah kerana kekangan tenaga manusia.

### Keperluan Tenaga Kerja

Dasar pintu tertutup Jepun telah diketahui oleh umum. Malah sikap terhadap orang asing juga bukanlah sesuatu yang baru. Dalam tempoh antara 1641 hingga 1853, Jepun menghalang rakyatnya dari meninggalkan negara dan pada masa yang sama menghalang rakyat asing daripada memasuki Jepun. Hanya pedagang dari China dan Belanda sahaja yang dibenarkan memasuki Jepun melalui pelabuhan Nagasaki yang terletak di Pulau Kyushu (“Can Japan survive without immigrants?”, 2018). Malah Jepun juga tidak bergantung kepada buruh asing semasa era pertumbuhan ekonomi yang pesat antara tahun 1955 dan 1973. Hanya pada akhir 1980-an, dengan ancaman kekurangan buruh yang

semakin meningkat, wujud keperluan untuk Jepun menerima pekerja asing. Peningkatan jumlah warga emas yang ketara dan kekurangan orang muda memaksa kerajaan Jepun mengubah polisi tutup pintu kepada pekerja asing. Walau bagaimanapun, biarpun pekerja asing dibenarkan berkhidmat dalam menjaga warga emas di Jepun, mereka masih berdepan rintangan terutamanya perlu mengambil peperiksaan dan perlu menguasai bahasa Jepun sebagai syarat utama.

Keperluan terhadap pekerja asing ini adalah meliputi semua jenis pekerjaan. Sungguhpun demikian, sektor penjagaan warga emas adalah antara bidang yang paling kritikal. Berdasarkan kepada keperluan ini, Kerajaan Jepun telah memberi keutamaan dalam meningkatkan bilangan penjaga warga emas. Pihak berkuasa Wilayah Kagoshima menyatakan bahawa pada tahun 2016 terdapat 1.9 juta pekerja di bidang penjagaan warga emas. Bilangan ini dijangka tidak mencukupi apabila pada tahun 2025 generasi *baby-boomer* akan mencapai tahap matang. Dalam tempoh ini, dijangka terdapat 2.45 juta penduduk akan memerlukan penjagaan kesihatan.

Penjaga warga emas di Jepun adalah tertakluk kepada *Certified Social Worker and Certified Care Worker Act and Care Managers* di bawah LTCI Act. Manakala bagi pekerja yang menjalankan tugas-tugas dan pengendalian peralatan kesihatan adalah di bawah tanggungjawab Ministry of Health. Walaupun terdapat peluang pekerjaan yang banyak, kadar silih ganti pekerja adalah tinggi iaitu kira-kira 15.2 peratus (16.2 peratus di seluruh negara). Kagoshima menghadapi masalah dalam mengekalkan penjaga warga emas akibat daripada bidang tugas yang tidak menyeronokkan khususnya kepada golongan muda selain kekurangan golongan pekerja itu sendiri. Menghadapi senario negara tua bukanlah sesuatu yang mudah. Dengan kekurangan tenaga pekerja sedangkan bilangan warga emas semakin bertambah, Jepun perlu berusaha lebih gigih bagi mengatasi masalah tersebut. Antara usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan Jepun adalah dengan mewujudkan projek *Social Welfare Training* yang bertujuan untuk melatih pekerja kebajikan dengan pengkhususan dalam penjagaan warga emas.

## **MALAYSIA DAN JEPUN: ASAS PERBANDINGAN & PROSPEK MASA HADAPAN**

Perbincangan di atas memperlihatkan bagaimana kerajaan Jepun menangani cabaran fenomena penuaan berdasarkan tiga aspek utama. Banyak yang boleh dipelajari daripada pengalaman tersebut yang boleh dijadikan kayu ukur bagi menilai di takuk mana Malaysia sedang berada dalam konteks persediaan menjadi negara tua. Di antara ketiga-tiga isu tersebut, aspek penggunaan teknologi seperti yang berlaku di Jepun tidak sesuai dijadikan penanda aras bagi Malaysia. Ini kerana Malaysia jelas tidak mampu untuk mencapai tahap penguasaan teknologi seperti mana yang berlaku di Jepun. Penguasaan teknologi ke tahap yang serupa memerlukan bukan sahaja keupayaan kewangan tetapi juga perubahan sikap dan mentaliti yang menyeluruh terhadap teknologi, sesuatu yang mungkin mampu dicapai tetapi memerlukan masa yang panjang dan anjakan paradigma pemikiran yang besar.

Jika dilihat dari segi keperluan tenaga kerja pula, berbeza dengan Jepun, Malaysia telah mengamalkan dasar terbuka dalam menerima tenaga kerja dari luar. Meskipun hal ini ada kontroversinya yang tersendiri, namun dari segi keperluan tenaga kerja, populasi pekerja yang semakin menua mampu ditangani dengan kewujudan tenaga buruh dari luar. Justeru,

isu ketiga berdasarkan pengalaman negara Jepun yang boleh diberikan perhatian dalam konteks penuaan di negara ini adalah dari segi sokongan kewangan dan sosial.

Kadar penuaan di Jepun adalah jauh lebih besar berbanding di Malaysia kerana seperti tertera dalam Jadual 2, peningkatan bilangan warga emas tidak begitu ketara sebagaimana yang sedang berlaku Jepun. Walau bagaimanapun, Malaysia bakal berdepan dengan beban yang sama beratnya dari aspek jagaan dan persediaan kewangan yang melibatkan populasi warga emas. Perkara penting yang wajar diberi perhatian adalah aspek kemahiran dalam penjagaan warga emas. Jepun menghadapi masalah dengan bilangan penjaga warga emas serta kemahiran penjagaan yang rendah. Jika Malaysia ingin mengurangkan masalah dalam hal yang sama, perkara ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Melihat kepada realiti semasa, negara ini masih belum mempunyai sebarang polisi yang khusus berkaitan penjagaan warga emas termasuk kepakaran sebagai *care workers*. Dengan kadar jangka hayat yang semakin bertambah, dijangka negara perlu bersedia dalam mengendalikan bilangan warga emas yang memerlukan penjagaan khusus termasuk warga emas yang mengalami masalah demensia.

Jadual 2 Kadar penuaan Malaysia dan Jepun

Negara	2015	2030	2050
Malaysia	5.9%	9.7%	16.3%
Jepun	26.0%	30.3%	36.4%

Sumber: UN Population Forecast (Revised 2017, Medium Forecast); \*Kadar umur dikira pada usia 65 tahun

Aspek kewangan warga emas juga merupakan perkara yang sedang dibincangkan di peringkat pemegang taruh. Walaupun skim LTCI di Jepun telah berjaya menjaga kebajikan dan kesejahteraan warga emas tetapi ia dijangka tidak mampu bertahan sekiranya alternatif lain tidak diberikan. Kerajaan Jepun telah membelanjakan sebanyak 10.7 trillion yen bagi tahun 2017 berbanding 3.6 trillion yen pada tahun awal ia dimulakan (2000) bagi mengendalikan skim LTCI. Oleh itu, adalah penting bagi Malaysia untuk mempunyai satu sistem kewangan yang lebih sistematik dan tidak membebankan kerajaan. Antara perkara yang patut dipertimbangkan sekiranya ingin melaksanakan bantuan kewangan adalah:

1. Memberi keutamaan kepada warga emas yang mempunyai penyakit/penyakit kronik
2. Menggalakkan warga emas yang menerima bantuan kewangan untuk lebih berdikari dan bukan semata-mata mengharapkan bantuan penjaga
3. Mengurangkan pergantungan warga emas terhadap penjaga/pembantu
4. Menggalakkan perkhidmatan penjagaan dalam komuniti berbanding kemasukan ke institusi

Setiap satu daripada langkah yang tertera ini membawa cabaran yang tersendiri kerana setiap satunya mewakili aspek kebajikan yang berbeza. Ringkasnya, Malaysia berhadapan dengan cabaran yang besar bukan sahaja dari segi kewangan, malah juga dari aspek persediaan lain. Analisis ke atas pengalaman negara Jepun ini jelas menunjukkan isu penuaan adalah isu pelbagai dimensi yang memerlukan strategi yang luas ruang lingkupnya. Tempoh masa sedekad tidak memadai bagi memberi ruang persediaan yang

mantap, namun masih wujud peluang untuk pihak berkenaan memandang serius tentang hal persediaan dan kesiapsiagaan menghadapi fenomena ini.

## **KESIMPULAN**

Artikel ini membincangkan secara ringkas isu, permasalahan dan prospek negara dalam konteks menghadapi status negara tua. Tiga aspek telah diperihalkan secara umum, iaitu kesiapsiagaan, realiti semasa dan prospek akan datang. Pengalaman negara Jepun yang telah mencecah status tersebut sejak tahun 1970-an menjadi asas perbandingan bagi memperlihatkan sejauh manakah Malaysia bersedia. Dari sudut kebersediaan, Malaysia memiliki hala tuju yang jelas dari segi polisi yang melibatkan kebajikan warga emas. Ini terbukti jika dianalisa dari segi kewujudan pelbagai dasar dan program kebajikan yang mantap yang dikhususkan untuk golongan warga emas.

Pada masa yang sama, dari segi realitinya Malaysia tidak mempunyai jangka masa yang panjang untuk bersedia menghadapi status negara tua. Tinjauan terhadap pengalaman negara Jepun menunjukkan bahawa ia sedang bergelut dengan pelbagai isu berkaitan penuaan, meskipun telah sekian lama bergelar negara tua. Sebagai sebuah negara maju, Jepun memiliki kelebihan dari segi kewangan dan teknologi yang dilihat mampu sedikit sebanyak meringankan beban. Namun dari aspek lain seperti penjagaan dan kesihatan mental warga emas, Jepun sedang menghadapi masalah yang serius.

Sebagai perbandingan, pengalaman negara Jepun boleh dijadikan asas bagi Malaysia membuat persediaan. Sebagai negara yang sedang membangun, Malaysia tidak memiliki kekuatan ekonomi dan kepakaran teknologi tinggi sebagaimana yang dimiliki Jepun. Hal ini menyebabkan Malaysia perlu mencari jalan untuk bersedia dengan lebih mantap terutama dalam menyediakan infrastruktur fizikal untuk menguruskan kebajikan warga emas. Pada masa sama, beban kewangan yang menjadi masalah utama negara Jepun pada masa kini, turut perlu diberikan pertimbangan sewajarnya oleh Malaysia sekiranya ingin melaksanakan sebarang polisi yang berkaitan.

## **RUJUKAN**

“Can Japan survive without immigrants?”, (2018, 15 Jun), Dicapai dari <https://edition.cnn.com/2017/08/01/asia/japan-migrants-immigration/index.html>

Dasar Warga Emas Negara (n.d.). Dicapai daripada <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/converted/6803/DasarWargaEmas1.pdf>

“Jepun guna robot jaga urus warga emas”, (2018, 10 Oktober) Dicapai dari <http://www.utusan.com.my/berita/luar-negara/jepun-guna-robot-jaga-urus-warga-emas-1.637072#ixzz5TX7QYLxj>

Jabatan Perangkaan Malaysia. (1973). Banci penduduk dan perumahan Malaysia 1970. Laporan am, Jilid 2. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (1974). Unjuran penduduk Malaysia 1970-1990. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (1983). Banci penduduk dan perumahan Malaysia 1970. Laporan am banci penduduk 1980, Jilid 1. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (1995). Banci penduduk dan perumahan Malaysia 1990. Laporan am banci penduduk 1991, Jilid 1. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

“Japan needs more workers and it can't find them”, (2017, 30 Mei), Dicapai dari <https://money.cnn.com/2017/05/30/news/economy/japan-labor-shortage/index.html>

“Jepun paling ramai warga emas di dunia”, (2018, 17 September), Berita Harian, Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2018/09/474739/jepun-paling-ramai-warga-emas-di-dunia>

Noriah Mohamed. (2008). *A study of social support for the elderly in a rural area*. Institut Sosial Malaysia: Kuala Lumpur.

The World Population Prospects: 2017 Revision, (2017), United Nations.

World Health Statistics (2017). World Health Organisation.